

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

YMT 201/NKM 015 -Teori Komunikasi

Masa: [3 jam]

Jawab TIGA soalan: SATU dari Bahagian A dan DUA dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Pandangan tentang masyarakat dan media massa yang dimajukan oleh tesis masyarakat massa adalah pandangan yang sempit, *reactionary* dan tidak demokratik. Bincangkan kenyataan ini dan kaitkan perbincangan anda dengan hujah-hujah dominan yang disediakan tentang media di Malaysia dewasa ini.
(40 markah)
2. Kajian komunikasi massa tidak boleh dipisahkan daripada kajian masyarakat dan perhubungan kuasa dalam masyarakat. Bincang dengan menyediakan hujah-hujah dan contoh-contoh yang meyakinkan dalam konteks Malaysia.
(40 markah)

Bahagian B

3. Bincangkan pengaruh fungsionalisme terhadap andaian dan kajian awal tentang peranan media dalam masyarakat dan pengaruh media ke atas masyarakat.
(30 markah)
4. Adakah penting siapa yang memiliki dan menguasai industri komunikasi? Bincang dengan menyediakan contoh-contoh yang jelas dari Malaysia.
(30 markah)

5. Bukan semua yang boleh dikira bermakna; bukan semua yang bermakna boleh dikira. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan kajian-kajian isi kandungan komunikasi.
(30 markah)
6. Dalam kajian khalayak komunikasi, model jarum suntikan dan model aliran dua peringkat (*two-step flow*) menghasilkan hujah-hujah yang berbeza tentang kesan media; namun kedua-dua model sebenarnya sama. Bincangkan kenyataan ini.
(30 markah)
7. Pembangunan masyarakat mundur memerlukan perubahan sikap ahli-ahli masyarakat tersebut. Media massa pula memainkan peranan yang utama dalam proses perubahan sikap ini. Nilaikan pandangan dominan ini dalam konteks perhubungan kuasa di dalam dan di antara negara.
(30 markah)

-oooOooo-